

SOALAN NO: 529

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan tindakan terhadap konvokesyen 87 dan 98 ILO, supaya hak pekerja tidak diabaikan.

PR-1323-T64284

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kebebasan berkesatuan telah dinyatakan dengan jelas dalam Perkara 10 (1) (c), Perlembagaan Persekutuan, Seksyen 10 dan Seksyen 12, Akta Kesatuan Sekerja 1959, Seksyen 4 dan Seksyen 5, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Seksyen 8, Akta Kerja 1955.

2. Kerajaan Malaysia telah meratifikasi Konvensyen ILO No. 98 iaitu mengenai hak berkesatuan dan mengadakan perundingan kolektif pada 5 Jun 1961. Di bawah konvensyen ini, secara amnya, pekerja mempunyai hak untuk mengadakan perundingan kolektif.

Hak-hak yang dinyatakan di bawah konvensyen ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

3. Kerajaan belum meratifikasi konvensyen 87 memandangkan mekanisme dan peruntukan sediaada adalah memadai bagi pekerja dan majikan untuk menubuhkan kesatuan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG @
DARIPADA TIAN CHUA [BATU]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pembinaan bangunan Sekolah Kebangsaan Seri Perak Bandar Baharu Sentul telah siap. Apakah kos keseluruhan untuk pembinaan ini. Sila nyatakan pecahan kos keseluruhan pembinaan ini mengikut invois.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek pembinaan bangunan Sekolah Kebangsaan Seri Perak Bandar Baharu Sentul Kuala Lumpur kini dalam proses tender semula memandangkan kontraktor asal telahpun ditamatkan perkhidmatannya pada 10 September 2014 rentetan prestasi yang tidak mencapai ekspetasi Kementerian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA
[BATU]**

SOALAN : 531

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah jumlah kos akhir untuk membina KLIA2. Apakah kos operasi bulanan KLIA berbanding KLIA2. Sila senaraikan kos operasi dan pendapatan KLIA untuk satu tahun lepas dan unjuran operasi dan pendapatan KLIA2 untuk satu tahun akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah kos pembinaan klia2 ialah RM4 billion.

Keputusan kewangan Kumpulan Syarikat MAHB (kos operasi dan pendapatan lapangan terbang) akan didedahkan dalam bentuk gabungan. Sebagai sebuah syarikat awam yang mempunyai rekod tadbir korporat yang baik, Kumpulan Syarikat tidak mengeluarkan maklumat berkaitan keuntungan (atau kerugian) bagi setiap lapangan terbang, kerana pendedahan berasingan yang demikian tanpa mempertimbangkan sumbangan keseluruhan tidak membantu dalam kelebihan daya saing MAHB, dan yang demikian tidak mengutamakan kepentingan para pemegang saham Syarikat.

SOALAN (532)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA
[BATU]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA [BATU] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN menyatakan berapakah jumlah peruntukan untuk mengganti atau membaiki kerosakan jentera bomba dan penyelamat setiap tahun, nyatakan dari tahun 2008 hingga 2013 mengikut kategori.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod daripada Bahagian Kejuruteraan Jentera, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dari tahun 2008 sehingga 2013 jumlah peruntukan mengikut kategori pembaikan dan meyelenggara adalah seperti berikut :-

***Statistik Jumlah Peruntukan Penyelenggaraan Kenderaan JBPM
Pada Tahun 2008 sehingga 2013.***

TAHUN	JUMLAH KENDERAAN	KOS PENYELENGGARAAN (RM)
2008	2,661	RM 31,342,691.00
2009	2,807	RM 34,601,479.00
2010	3,401	RM 39,094,021.00
2011	3,020	RM 33,641,950.00
2012	3,137	RM 41,909,154.00
2013	3,264	RM 38,741,530.00

* *Jumlah Kenderaan:*

Melibuti Jentera Bomba, Jentera Khas, Kenderaan Utiliti dan Kenderaan Marin

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014